

# Kahwin ikut nafsu punca abai tarbiah isteri, anak

## Institusi keluarga tak kuat jika pemimpin tidak jalan tanggungjawab

**K**ebiasaan masyarakat Muslim di negara ini mula membina keluarga apabila mencecah usia pertengahan dua puluhan. Statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 merekodkan minimum umur bagi perkahwinan pertama lelaki ialah 28 tahun, manakala wanita kurang 25 tahun.

Kebetulan pada umur itu kebanyakan warga Malaysia sudah mula mempunyai kerjaya selepas selesai menamatkan pengajian atau mempelajari sesuatu kemahiran. Namun, kematangan seseorang yang akan menjadi pemimpin rumah tangga bukan semata-mata bergantung kepada umur.

Banyak faktor lain yang perlu diambil kira supaya kepimpinan dalam sebuah institusi yang bakal melahirkan dan membina insan terus terpelihara.

Antaranya, ilmu, kewangan, sosial, pengetahuan agama dan kasih sayang.

Perkahwinan sebenar ialah yang menjadi penyebab kepada lahirnya ketenteraman jiwa antara dua manusia, iaitu suami dan isteri. Ia menyebabkan kesatuan itu mendidik mereka menjadi semakin baik, menanam rasa kasih dan sayang lebih erat, menambah rasa untuk terus berbudi sesama manusia dan melembutkan hati sewaktu berurusan dengan sesiapa saja.

### Perkahwinan dirosakkan virus beracun

Namun, perkahwinan yang dirosakkan oleh virus beracun akan menjadikan institusi itu tidak kuat dan boleh menyebabkan ia roboh menyembah bumi. Justeru, setiap pemimpin keluarga harus sedaya upaya memastikan warga pimpinannya sentiasa berada dalam keadaan terpelihara dan bahagia.

Malah, untuk bersama bagi suami isteri, Islam mengingatkan supaya ia dilakukan dalam keadaan yang baik dan terhormat, malah diberi ganjaran pahala.

Abu Zarr al-Ghifari berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya setiap kali seseorang itu bertakbir adalah satu sedekah, setiap tahmid adalah sedekah, setiap tahlil adalah sedekah, menyeru yang makruf itu adalah sedekah, dan menghalang yang mungkar juga sedekah, melaku-

kukan hubungan kelamin suami isteri juga adalah sedekah. Lalu kami bertanya kepada Rasulullah: Adakah kami mendapat isteri-isteri kami baginya mendapat pahala? Rasulullah bersabda: Tidakkah kamu sedar jika melakukan syahwat kepada yang haram itu berdosa, maka sebaliknya bila melakukan perbuatan yang halal itu pastilah berpahala." (Riwayat Muslim)

Kita sering terlepas pandang bahawa perkahwinan ialah latihan jiwa untuk menjaga, mengasuh dan memenuhi kewajipan terhadap keluarga, sabar, sentiasa memperbaiki diri dan bekerja keras mencari kecukupan untuk seisi keluarga.

Ramai juga dalam kalangan kita yang menganggap perkahwinan tidak lain hanyalah sekadar memenuhi tuntutan hawa nafsu semata-mata. Sebab itu soal tanggungjawab mencari nafkah, kelayakan mentarbiah isteri dan anak serta sabar menghadapi dugaan rumah tangga tidak dipedulikan.

Sudahnya, mereka yang lemah iaitu wanita dan kanak-kanak pula menjadi mangsa kezaliman orang yang sepatutnya menjadi pelindung mereka.

Rasulullah SAW bersabda: "Sehari bagi seorang pemimpin yang adil lebih baik daripada ibadah selama 70 tahun. Kemudian Baginda menambah lagi: Masing-masing kamu sekalian adalah pemimpin dan masing-masing dari kamu dituntut supaya bertanggungjawab atas apa yang dipimpinya."

Jika kita semua menyedari hakikat itu, sudah tentulah tiada siapa yang ingin melakukan kezaliman atas nama pemimpin. Jika semudah itu pahala yang akan Allah berikan kepada setiap pemimpin yang adil, apa lagi yang menghalang kita daripada membuat kebaikan kepada ahli keluarga yang dipimpin.

Beribadah selama 70 tahun itupun belum tentu mampu disempurnakan walau separuh daripadanya. Sesungguhnya perkahwinan yang menjaga keharmonian dalam sesebuah masyarakat kerana kepimpinan yang besar telah diagihkan menjadi kecil.

### Gabungkan keluarga

Daripada kelompok yang besar, kepimpinan menjadi kecil kerana seorang bapa hanya perlu menjaga isteri dan anak. Sungguh malang jika institusi kepimpinan yang kecil ini tidak mampu memperelokkan ahli masyarakat, sedangkan ada pemimpin boleh bertanggungjawab dengan baik kepada ribuan warga yang dipimpin.

Bukan itu saja, perkahwinan juga menggabungkan keluarga yang kecil menjadi besar. Dua keluarga saling berkenalan dan bersaudara sekali gus menghubungkan silaturahim yang tidak wujud sebelumnya.

Hubungan itu dengan sendirinya menimbulkan semangat saling tolong-menolong serta bantu-membantu kerana kasih sayang antara keduanya. Ia ibarat susunan batu untuk membina bangunan.

Walau sedikit atau kecil, tetapi kerana kasihnya, ia melekat erat dan saling memperkukuhkan antara satu dengan lain. Justeru, setiap pemimpin keluarga tidak boleh enteng terhadap tanggungjawab ini, kerana ia adalah kewajipan dan ibadah.



→  
**NIK SALIDA SUHAILA**

**Pensyarah Kanan**  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia